

30 DEC 1996

PAK LAH, AHMAD MOKHTAR TIBA RABU INI

KUALA LUMPUR, 30 Dis (Bernama) -- Duta Malaysia ke Peru Ahmad Mokhtar Selat, yang dibebaskan daripada tahanan pemberontak di Lima semalam, akan tiba di tanah air bersama Menteri Luar Datuk Abdullah Ahmad Badawi, Rabu ini.

Menurut seorang pegawai Kedutaan Malaysia di Peru, pesawat Penerbangan Malaysia MH91 yang membawa Abdullah dan Ahmad Mokhtar serta keluarga beliau akan mendarat di Lapangan Terbang Sultan Abdul Aziz Shah pada 12.45 tengah hari.

Ahmad Mokhtar merupakan antara 20 lagi tahanan terbaru yang dibebaskan daripada tahanan gerila Pergerakan Revolusi Tupac Amaru di kediaman Duta Besar Jepun di Lima, Peru awal pagi semalam, selepas menjadi tebusan selama 12 hari.

Kini hanya tinggal 83 tebusan ditawan di kediaman Duta Jepun daripada lebih 500 orang tebusan sejak gerila berfahaman komunis itu mengambil alih kediaman itu pada 17 Dis dalam usaha membebaskan kira-kira 400 rakan mereka dari penjara.

Menurut pegawai itu lagi, Abdullah kini berada semula di Lima selepas meninggalkan ibu negeri Peru itu ke Mexico City (Mexico) kira-kira lima jam sebelum pembebasan Ahmad Mokhtar.

Abdullah tiba di Lima Khamis lepas atas arahan Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad untuk menyampaikan secara rasmi pandangan Malaysia terhadap krisis tebusan di Lima.

-- BERNAMA

ES AHH